

b.1.5




Istiadat Pengistiharan

Perlantikan Penghulu


Spuak Inas

OLEH. NORDIN HJ. ISMAIL.

Yusef. b. Bada



TARIKH : 8hb. NOVEMBER 1980
HARI : SABTU.
MASA : JAM 9.00 PAGI..
TEMPAT : DI SEKOLAH KEBANGSAAN INAS



(SIREH PINANG DATUK BENTARA JANTAN)

Dengan nama Allah yang pemurah lagi
amat amat pengasihani,.....

Bahawa sempana dengan Hari Pengistiharan Perlantikan Datuk Penghulu Luak Inas Yang ke XV ini. Saya bagi pehak Ibu Biduanda Waris dan Buapak Yang Tiga Carak iaitu Datuk Paduka Pahlawan, Datuk Paduka Kebangsa Gating dan Datuk Amar Penghulu, Minta jasa baik Tuan Haji Layar bin Atong, PKL, JP,, Ketua Kampung Gating Inas dan Bekas Guru Besar Sekolah Kebangsaan Inas menulis sejarah dan sistem pentadbiran Adap Perpateh dari dahulu hingga sekarang yang dipakai dilengkongan Luak Inas.

Tujuannya semata-mata supaya dapat diketahui lebih dekat oleh penduduk-penduduk Luak Inas, Mudah-mudahan dapat mereka memupuk minat dan sayang kepada Adat Tadbiran yang dipakai dalam Kampung sendiri, dari masa ke masa.

Saya percaya aturan adat ini dapat difahami ~~maka mudah~~ maka mudahlah menjalankan tadbiran dari masa ke masa dengan perasaan saling mengerti antara satu dengan lain dan tidak mencampur adukkan dengan adat dari luar.

Segala yang tercatat dalam risalah kecil ini, maka saya sebagai Datuk Bentara Jantan Ketua Ibu Biduanda Waris ~~Luangkongan~~ Luak Inas, mengakuinya menjadi hak milik Ahli Adat di Luak Inas sebagai dasar menjalankan tadbiran Adat di Luak Inas.

Sekian, terimakasih.

Kg Dingkir: 4-11-1980

6/11/80 - dr
(MD YUSUF BIN BADUR)

DATUK BENTARA JANTAN INAS.

(KATA PENGANTAR)

Hasrat mencatatkan asal usul sejarah pentadbiran adat Perpateh Kampung Inas ini mula dalam tahun 60an lagi. Kerana sekian lama dialami adat ini semakin pudar sinar gemilangnya. Supaya menimbulkan perasaan cinta pada tadbiran ini, dicuba menguntukan masa memulisnya dengan menyiasat dari ahli-ahli pendukung adat.

Catitan ini dikemukakan kepada Datuk Penghulu ke XIV, Datuk Rentah bin Takin. Beliau menjunjung tinggi usaha ini untuk dicatatkan dan menasehatkan dikemukakan kepada sidang anak-anak Biduanda Waris dari tiga perut iaitu, Inas, Dingkir dan Nuri.

Malangnya usaha ini dapat tentangan hebat dari mereka yang berkenaan - memberi satu kata putus, bahawa perkara adat istiadat tidak usah dicatatkan, tidak siapa pun yang tahu.

Dilawatan Pegawai INTAN Tingkatan Tertinggi ke kampung ini diawal tahun 1980. Untuk mengkaji kemunduran Kampung Inas, yang sekian lama telah dibuka. Sempat diselitkan sejarahnya, supaya dapat dijadikan panduan mengatasi kemundurannya. Kerana hampir tiga abad dibuka maseh duduk di paras kemunduran yang tidak di ingini.

Apakala Datuk Rentah Datuk Penghulu ke XIV meninggal dunia. Maka untuk istiadat Pengistiharan Perlantikan Penghulu ke XV. Maka Datuk Bentara Jantan, Md Yusuf bin Badur serta Buapak Tiga Carak, meminta saya menuliskan sejarah perkembangan tadbiran adat Perpateh di Kampung ini. Perkara ini telah dikemukakan pada sidang Datuk-Lembaga Inas, telah dipersetujui dan diterima serbulat suara.

Gading mana yang tidak retak, begitu juga penulisan ini, banyak perkara serba kekurangan, tidak sesuai dengan selera masing-masing. Tetapi itulah yang dapat, diharap akan dapat di baikki oleh jenarasi muda pada satu masa nanti.

Sekian, terimakasih.

Kg Inas 3-11-80.

Haji Layar bin Atong, PKL, JP, .
penulis & risalah

Pengistiharan Perlantikan Y.M.
Datuk Penkhulu Inas XV,

(SURAT JEMPUTAN RASMI)

PENGERUSI DAN AHLI JAWATAN KUASA
ISTIADAT PENGISTIHARAN PERLANTIKAN
YANG BERBAHAGIA,

DATUK PENGHULU LUAK INAS YANG KE XV

(Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Walat Kuala Dih)

Dengan segala hormatnya mempersilakan,

Tuan/Puan

Ke majlis yang tersebut diatas:

pada - 8hb November, 1980.

hari - Sabtu.

jam - 9.30 pagi.

di - Sekolah Kebangsaan Inas.


Mudah-mudahan dengan kehadiran tuan/puan itu
bertambah serinya majlis kami yang tidak sapertinya.
Wassalam dan terimakasih.

Nordin bin Hj Ismail
Pengerusi,
Istiadat Pengistiharan Perlantikan
Datuk Penghulua Luak Inas.

-----HLBA-----

MAJLIS PENGISTIHARAN PERLANTIKAN
DATUK PENGHULU LUAK INAS KE XV

pada - 8hb November, 1980.
jam - 10.00 pagi.
di - Sekolah Kebangsaan Inas.



SEPATAH KATA DARIPADA PENGHERUSI PENGISTIHARAN PERLANTIKAN
DATUK PENGHULU LUAK INAS YANG KE XV.

Saya berasa bangga merekamkan sepatah dua kata alu-aluan dalam risalah ini, dapat mencerminkan kajian yang diselidik dengan ketinggian dan ke agungan bentuk sistem Adat Istiadat Perpateh di Luak Inas ini, boleh dikatakan semua penduduk di luak ini menganutinya sejak zaman berzaman kekal hingga ke hari ini. Amalannya masih kekal dan dipatuhi oleh tiap-tiap peringkat. Hanya ada gulungan muda-mudi kurang berminat, maka berlakulah perkara-perkara yang tidak di ingini oleh adat.

Memandangkan bahawa apa sahaja susunan hidup masyarakat dengan mutalamat dan tujuan hidup teratur, aman, damai, bekerjasama, hurmat menghormati satu dengan lain, berbudi bahasa, bersopan santun dan berbincang mencari kebaikan bersama:-

- kok berdiri sama tinggi;
- kok duduk sama rendah;
- hati kuman sama dicicah;
- hati gajah sama dilapah;
- kok rugi sama ditanggung;
- kok laba sama untung;
- pangkalnya sama dipupuk;
- pucuknya sama digentis;
- baharulah adil disertai adatnya.

Bukan susah memakainya, menjaga memelihara dengan baik, yang elok dijadikan tauladan, yang buruk dijadikan sempadan. Maka dapatlah kita menilai sesuatu itu dengan fikiran waras, yang mana intan, yang mana kaca, untuk pegangan kita bersama di luak ini.

Di akui susunan risalah ini banyak perkara serba kekurangan dan janggal. Diharap kepada jenarasi yang berminat dapat meneruskan usaha ini dan memperbaikinya untuk kepentingan Adat Perpateh di Luak Inas ini.

Akhirnya saya berdoa kepada Ilahi, semoga Datuk-datuk Lembaga, Buapak-buapak, tuan-tuan, puan-puan dapat bekerjasama memelihara tata-susila perjalanan Adat Perpateh ini dengan teratur. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima-kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang memberikan bantuan dan sokongan bagi menjayakan sambutan Pengistiharan Perlantikan Datuk Penghulu Luak Inas ke XV ini.

Hanya sekian, terimakasih.

oleh: Nordin bin Hj Ismail,
Pengerusi,
Istiadat Pengistihatan Perlantikan
Datuk Penghulu Luak Inas XV.

NBI/HLBA.

ATURCARA MAJLIS PENGISTIHARAN PERLANTIKAN
DATUK PENGHULU LUAK INAS KE XV.

- 9.30 - Kesampaian orang ramai.
- 9.40 - Kesampaian Datuk Lembaga dan ahli-ahli Adat.
- 9.50 - Ketibaan Y.M. Tuan Pegawai Daerah, Kuala Pilah.
- 9.55 - Ketibaan Y.M. Tengku Alang, Penyelia Adat Istiadat Melayu, ^{K. Pilah} Negeri Sembilan.
- 10.00 - Istiadat dimulakan - Ucapan Pengerusi Sambutan, oleh Datuk Amar Penghulu.
- 10.20 - Istiadat Pengistiharan Perlantikan Datuk Penghulu Luak Inas ke XV - oleh Datuk Menteri.
- 10.30 - Tok Bentara Betina dan Buapak Yang Tiga Carak, menjemput dan mempersilakan Datuk Penghulu yang baru dilantik, kekerusi Penghulu Luak Inas dan seterusnya:-
- Tok Bentara Betina menyembahkan seri anika tanjak;
 - menyembahkan cop mohor kekuasaan; dan
 - menyembahkan anika kebesaran - berupa
 - keris panjang; dan
 - pedang.
 - Tok Bentara Betina menyembah setia, diikuti Datuk-datuk Lembaga, Juak-juak, Buapak serta Pawang dan Bidan.
- 10.45 - Ikrar dan ucapan Datuk Penghulu Luak Inas ke XV dan mengistiharkan kekosongan pusaka Datuk Bentara Jantan.
- 10.50 - Ucapan Y.M. Tuan Pegawai Daerah, Kuala Pilah, dan merastui perlantikan Datuk Penghulu Luak Inas ke XV.
- 11.00 - Ucapan Y.M. Tengku Alang, Penyelia Adat Istiadat Melayu, ^{K. Pilah} Negeri Sembilan. Dan merasmikan serta merastui Perlantikan Datuk Penghulu Luak Inas Yang ke XV.
- 11.10 - Doa Selamat - Imam Masjid Ulu Inas.
- 11.20 - Jamuan ringan.
- 11.40 - Majlis bersurai. Perarakkan titiran canang, mengikan kebaearngkatan Datuk Penghulu Luak Inas ke XV, kerumah Telapakan di Kampung Dingkir. Dengan diiringi oleh Datuk-datuk Lembaga, Juak-juak Hulabalang, Buapak-buapak, ahli Adat serta anak-anak Biduanda Waris semua perut.
- 12.00 - Istiadat menyembah anak2 Biduanda Waris Dingkir; anak2 Biduanda Waris Nuri; anak2 Biduanda Waris Inas.
- 12.20 - Istiadat menjemput alat kebesaran Datuk Penghulu Luak Inas ke XV. Disandarkan dirumah anak buah suku Tiga Nenek - oleh Datuk Bansa Balang.
- 01.00 - Tamat dan bersurai.

AHLI-AHLI JAWATAN KUASA ISTIADAT PENGISTIHARAN
PERLANTIKAN DATUK PENGHULU LUAK INAS KE XV.

- PENAUNG - Y.M. Tengku Alang, Tengku Astur bin Tengku
Penyelia Adat Istiadat Melayu, Kuala Pilah.
- PENASEHAT - Y.M. Tuan Wan Hilal bin Hj Wan Abd Rahman, PJK, AMN, PPT, .
Pegawai Daerah, Kuala Pilah.
- PENGERUSI * Encik Nordin bin Haji Ismail,
Datuk Amar Penghulu.
- SETIAUSAHA- Encik Mustaffa bin Ibrahim,
Datuk Paduka Pahlawan.
- BENDAHARI - Encik Abdullah bin Wahab;
Datuk Paduka Kebangsaan.
- J/KUASA - Datuk Haji Tahat bin Chukup,
Datuk Menteri Luak Inas.
- Datuk Ujang bin Tanggam,
Datuk Andika Luak Inas.
- Datuk Ghalin bin Maah,
Datuk Setia Raja Luak Inas.
- Datuk Idris bin Awe,
Datuk Bangsa Balang Luak Inas.
- Datuk Haji Sulaiman bin Atin,
Datuk Baginda Maharaja Luak Inas.
- Datuk Baba bin Boyok,
Datuk Baginda Raja Luak Inas.
- Tok Sara bti Galau,
Tok Bentara Betina Luak Inas (IBUWARIS INAS)
- Datuk Haji Jamaludin bin Sulung,
Datuk Panglima Puteh Luak Inas.
- Datuk Haji Md Yusuf bin Md Shah,
Datuk Panglima Hitam Luak Inas.
- Encik Mansur bin Subuh,
Datuk Lela Raja.
- ~~Datuk~~ Abdullah bin Pilin,
Datuk Jekela.
- Encik Kudin bin Ahmad,
Datuk Nara Sakti.
- Encik Sulaiman bin Ibrahim,
Datuk Nara Kaya.
- Encik Salam bin Naib,
Datuk Amar Pahlawan.
- P/KIRA2. - Encik Jamaludin bin Ujang,
Memperang Kanan.
- Encik Hassan bin Aman,
Memperang Kirri.

SENARAI DATUK-DATUK LEMBAGA LUAK KG INAS
YANG MENTADBIR ADAT ISTIADAT HARI INI.

- | | |
|---|--|
| 1. Datuk Penghulu Luak Inas,
suku Biduanda Waris. | - maseh kosong - Peninggalan
Datuk Rentah bin Takin yang
meninggal dunia |
| 2. Datuk Bentara Jantan,
suku Biduanda Waris. | - Y.M. Datuk Md Yusuf bin Badur. |
| 3. Datuk Bentara Betina,
suku Biduanda Waris. | - Y.M. Tok Puan Sara bti Galau. |
| 4. Datuk Menteri,
suku Biduanda K.Punggur. | - Y.M. Datuk Haji Tahat bin Chukup. |
| 5. Datuk Andika,
suku Serimelenggang. | - Y.M. Datuk Ujang bin Tanggam. |
| 6. Datuk Setia Raja,
suku Biduanda Chenerung. | - Y.M. Datuk Ghalin bin Maah. |
| 7. Datuk Bangsa Balang,
suku Tiga Nenek/Batu. | - Y.M. Datuk Idris bin Awe. |
| 8. Datuk Baginda Maharaja,
suku Serilemak. | - Y.M. Datuk Sulaiman bin Atin. |
| 9. Datuk Baginda Raja,
suku Biduanda Buah Petai. | - Y.M. Datuk Baba bin Boyok. |
| 10. Datuk Panglima Puteh,
suku Serimelanggang. | - Y.M. Haji Jamaludin bin Sulung. |
| 11. Datuk Panglima Hitam,
suku Biduanda Chenerung. | - Y.M. Tuan Haji Md Yusuf bin Md Shah. |
| 12. Datuk Amar Penghulu,
suku Biduanda Betawi. | - Encik Nordin bin Hj Ismail. |
| 13. Datuk Paduka Pahlawan,
suku Biduanda Kabung. | - Encik Mustaffa bin Ibrahim. |
| 14. Datuk Paduka Kebangsa,
suku Biduanda Gating. | - Encik Abdullah bin Wahab. |
| 15. Datuk Lela Raja,
suku Biduanda K.Punggur. | - Encik Mansur bin Subuh. |
| 16. Datuk Helela,
suku Serimelanggang. | - Encik Abdullah bin Pilin. |
| 17. Datuk Nara Sakti,
suku Biduanda Chenerung. | - Encik Kudin bin Ahmad. |
| 18. Datuk Nara Kaya,
suku Tiga Nenek/Batu. | - Encik Sulaiman bin Ibrahim. |
| 19. Datuk Amar Pahlawan,
suku Biduanda Buah Petai. | - Encik Salam bin Naib. |

- | | |
|---|-------------------------------|
| 20. Memperang Kanan,
Serimelenggang. | -- Encik Jamaludin bin Ujang. |
| 21. Memperang Kiri,
Serimelenggan. | -- Encik Hassan bin Aman. |
| 22. Pawang Luak
yang berkebolehan. | -- Encik Salam bin Naib. |
| 23. Bidan Luak,
yang berkebolehan. | -- Cik Angsi bti A. Ghani. |
| 24. Mengkakatap I,
Biduanda Betawi. | -- Encik Abdullah bin Bidin. |
| 25. Mengkakatap II,
Serilemak. | -- Encik Ayub bin Anon. |
| 26. Mawan,
Biduanda K. Punggur. | -- Encik Deli bin Asar. |
| 27. Menggarang,
Biduanda Kabung. | -- Encik Md Zin bin Majid. |
| 28. Meleman,
Biduanda Chenerung. | -- Encik Jantan bin Baba. |

Ahli Jawatan Kuasa Perunding ~~Risalah~~
Pengistiharan Perlantikan Datuk Penghulu ,
Luak Inas ke XV.

1. Encik Nordin bin Haji Ismail (Pengerusi)
2. Tuan Haji Layar bin Atong, PKL,JP,.
3. Tuan Haji Ishak bin Md Yusuf, AMN,PJK,.
4. Encik Mustaffa bin Ibrahim.
5. Encik Abdullah bin Wahab.
6. Encik Md Jinin bin Sulaiman,PJK,.
7. Encik Othman bin Tamat.

SENARAI PENYANDANG DATUK PENGHULU LUAK INAS
DAN DATUK-DATUK LEMBAGA SERTA JUAK-JUAK ME-
NERIMA HABUAN POLITIKAL PENSION KERAJAAN NS.

(1) PENYANDANG DATUK PENGHULU LUAK INAS,
dari Suku Biduanda Waris.

1. Datuk Embun Seri (wanita)
2. Datuk Bayan. - Inas.
3. Datuk Rambutan Jantan - Undang Johol.
(Johan Pahlawan).
4. Datuk Nuri. - Undang Johol.
5. Datuk Mantek. - Inas.
6. Datuk Chenderung. - Inas.
7. Datuk Sohat. - Inas.
8. Datuk Biong. - Inas.
9. Datuk Omar bin - Inas.
10. Datuk Sukung bin - Inas.
11. Datuk Ujang bin Chepos. - Inas.
12. Datuk Abd Ghani bin Layar (pecat). - Inas.
13. Datuk Bachik bin A. Rahman. - Inas.
14. Datuk Rentah bin Takin - meninggal - 9-7-1980.
15. Datuk

(2) PENYANDANG DATUK BENTARA JANTAN,
dari Suku Biduanda Waris.

1. Datuk Teguh.
2. Datuk Ahmat.
3. Datuk Fati.
4. Datuk Gumpal.
5. Datuk Sulung.
6. Benchus.
7. Datuk Maasul.
8. Datuk Ujang bin Chepos.
9. Datuk Bachik bin A. Rahman.
10. Datuk Rentah bin Takin.
11. Datuk Jenis bin Kechik (pecat).
12. Datuk Md Yusuf bin Badur.

(3) PENYANDANG DATUK BENTARA BETINA,
dari Suku Biduanda Waris.

1. Tok Paduka Pahlawan.
2. Tok Limah.
3. Tok Lijah.
4. Tok Sombong.
5. Tok Sunyi.
6. Tok Montok bti
7. Tok Sara bti Galau.

Nota: Lantikan Datuk Penghulu Luak,
Datuk Bentara Jantan, dan
Datuk Bentara Betina daripada

- perut Inas,
- perut Dingkir, dan
- perut Nuri.

Lantikan Datuk Lembaga juga ada perut-perut tertentu.

(4) PENYANDANG DATUK ANDIKA
dari Suku Serimelenggang.

1. Datuk ~~Pating~~.
2. Datuk Rantau.
3. Datuk Lewar.
4. Datuk Lakar.
5. Datuk Khamis.
6. Datuk Bading bin
7. Datuk Wan Ahmad bin Wan Jalil, PJK, .
8. Datuk Ujang bin Tanggam.

(5) PENYANDANG DATUK SETIA RAJA
dari Suku Biduanda Chenerung.

1. Datuk Dolah.
2. Datuk Sampai.
3. Datuk Mungkeh.
4. Datuk Layar bin
5. Datuk Piei bin Keling.
6. Datuk Ghalin bin Maah.

(6) PENYANDANG DATUK BANGSA BALANG
dari Suku Tiga Nenek/Batu.

1. Datuk Semilang.
2. Datuk Itan (Itan?).
3. Datuk Kasan.
4. Datuk obong bin
5. Datuk Sail bin Barau.
6. Datuk Idris bin Awe.

(7) PENYANDANG DATUK BAGINDA MAHARAJA
dari Suku Serilemak.

1. Datuk Ludin.
2. Datuk Ahmat.
3. Datuk Kulup Raja.
4. Datuk Aris.
5. Datuk Haji Tahim bin
6. Datuk Daring bin Bacha.
7. Datuk Haji Sulaiman bin Atin.

(8) PENYANDANG DATUK BAGINDA RAJA
dari Suku Biduanda Buah Petai.

1. Datuk Mentekong.
2. Datuk Dati.
3. Datuk Lari.
4. Datuk Siaris.
5. Datuk Pilin bin Senam.
6. Datuk Baba bin Boyok

(9) PENYANDANG DATUK MENTERI
dari Suku Biduanda K. Punggur.

1. Datuk Bibun.
2. Datuk Binchos.
3. Datuk Kulup Ayang.
4. Datuk Kotok.
5. Datuk Haji Chanai bin
6. Datuk Ombong bin Jangkiak?.
7. Datuk Haji Tahat bin Chukup.

(10) PENYANDANG DATUK PENGLIMA PUTEH
dari Suku Serimelenggang.

1. Datuk Ujang Deli.
2. Datuk Engah.
3. Datuk Badu.
4. Datuk Mahat.
5. Datuk Samat.
6. Datuk Raman bin
7. Datuk Haji Jamaludin bin Sulung.

(11) PENYANDANG DATUK PENGLIMA HITAM
dari Suku Biduanda Chenerung.

1. Datuk Kamar.
2. Datuk Uteh.
3. Datuk Haji Lanjut bin Uteh.
4. Datuk Haji Md Yusuf bin Md Shah.

(12) BUAPAK-BUAPAK TIGA CARAK (TUA SUKU BIDUANDA)
(dari Suku-suka Biduanda)

1. Datuk PadukaPahlawan,
dari suku Biduanda Kabung.
2. Datuk Paduka Kebangsa,
dari suku Biduanda Gating.
3. Datuk Amar Penghulu,
dari suku Biduanda Betawi.

(13) GELERAN PENYANDANG DATUK PENGHULU,
GELERAN PENYANDANG DATUK BENTARA JANTAN,
GELERAN PENYANDANG DATUK BENTARA BETINA.

- (a) PERUT INAS.
- (b) PERUT DINGKIR,
- (c) PERUT NURI.

MASJID-MASJID DALAM LUAK KAMPUNG INAS

Selain dari pada mentadbir Adat Istiadat dalam Luaknya, maka masa dahulu perana melantik Pegawai Masjid terdiri daripada - Imam, Khatib, Bilal dan Mukin juga dilantik dan dirastui oleh Penghulu dan menetapkan dari suku-suka mana - biasanya ditetapkan:-

- Imam - dari suku Biduanda;
- Khatib - dari suku Biduanda;
- Bilal - dari suku Biduanda;
- Mukin - dari suku Serimelenggang.

Pegawai-pegawai Masjid Gating:

Nadzir : Encik Nordin bin Hj Ismail.
Imam : Tuan Hj Md Yusuf bin Sinin.
Bilal : Encik L. Saleh bin Jaafar.
Siak : Encik Talib bin Wahab.
S/Usaha: Ustadz Idris bin Hj Ibrahim.

Pegawai-pegawai Masjid Kabung:


~~Imam : Tuan Hj Wan A. Rahman bin W. Ahmad.~~
Nadzir: Tuan Hj Wan A. Rahman bin W. Ahmad.
Imam : Tuan Ustadz Abdullah bin Dayan.
Bilal : Tuan Hj Husin bin Atin.
Siak : Encik Md Yusuf bin Hj Othman.
S/Usaha: Tuan Hj Othman bin Bachik, PJK,.

Pegawai-pegawai Masjid Dingkir:

Nadzir : Tuan Hj Yatim bin Ahmad.
Imam : Tuan Hj Ondot bin Jimak.
Bilal : Encik Alias bin Rentah.
Siak : Encik Ujang bin Ibrahim.
S/Usaha: Encik Sulaiman bin Kudin.

Pegawai-pegawai Masjid Ulu Inas:

Nadzir : Encik Mustafa bin Ibranim.
Imam : Ustadz Md Yusuf bin Bulin.
Bilal : Encik Omar bin Idun.
Siak : Encik Sembi bin Hamid.
S/Usaha: Encik Md Jinin bin Sulaiman, PJK,.



ASAL USUL SEJARAH PEMBUKKAAN LUAK INAS
(oleh: Haji Layar bin Atong, PKL, JP.)
Ketua Kampung Gating Inas

Sebelum diteruka kawasan ini dikuasai oleh Maharaja Jin yang bermaharaja lela sakehendak hatinya, bernama Maharaja Joing. Beristana di Mahaligai Lubuk Bunga sekarang ini.

Hulubalang Bendahara Sekudai bernama Tuk Sabun di Sungai Keruh telah mempengaruhi Maharaja Joing untuk di- kahwinkan dengan Puteri Kanun yang duduk dipuncak gunung di-
dihulu Sungai Jerneh. Maka dengan tipu helah Tuk Sabun, ~~Haji Layar bin Atong~~ Maharaja Joing dipenjarakan dibawah Mahaligai di Lubuk Bunga sekarang ini.

Semenjak itu lembah Sungai Jerneh telah boleh di- teruka tempat bercucuk tanam terutama padi. Maka kerana suburnya, ramai mereka membuka tempat kediaman berkampung halaman dan bercucuk tanam.

Kerana air sungainya sangat jerneh, mereka sama sendiri mengambil sepena nama Kampung ini mengikut air jerneh - dipendekkan dengan sebutan INEH sahaja dan ditulis dalam bahasa persuratan INAS kekal hinga kehari ini.

Maka semenjak kurun XVIII, Luak Inas merupakan sebuah Luak yang berasingan dan bersendirian serta ber- kuasa dibawah ketuanya PENGHULU EMBUN SERI se orang wanita dengan taraf 'BERGAJAH TUNGGAL'. Maka Inas juga dikenali dahulunya dengan nama Jelai iaitu mengikut nama sungainya yang diakui kekuasaannya oleh Sultan Johor sebagai Luak yang berdaulat dalam tahun 1760. Pada masa itu Penghulu Luak Inas bernama BAYAN telah dikurniai cop mohor kekuasaannya bergelar DATUK JOHAN PAHLAWAN WALAT KUALA DIUH, S.H. 1218 berkuasa dalam luaknya.

Maka dalam persetujuan menjemput Raja Melewar di- Pagar Ruyung tahun 1773 dirajakan di Negeri Sembilan. Penghulu BAYAN telah mewakilkan serta meletakkan sepemuh kepercayaan dan mewakilkan kekuasaannya kepada Datuk Setiawan II Undang Johol sebagi menandakan Penghulu Luak Inas juga menyertai persetujuan menjemput anak raja dari Pagar Ruyung itu.

Datuk-datuk Lembaga Luak Inas kurang senang dan tidak bersetuju atas langkah yang diambil oleh Penghulu Bayan itu. Mereka mengertikan sebagai penyerahan kuasa kepada Datuk Setiawan II itu. Tetapi walau bagaimana pun kedudukan Penghulu Bayan kukuh dan kuat dan tidak dapat dipecat.

Apakala Penghulu Bayan meninggal dunia, perbalahan orang-orang Inas tercetus, kerana memilih gantinya. Perbalahan ini berlarut-larutan dan tidak dapat kata sepakat supaya dapat diselesaikan dengan masa yang panjang.

Nota: Sungai Jerneh = Sungai Jelai sekarang,
biasa disebut dengan perkataan
NYELAI sahaja.
Sunagi Keruh + Sungai Batang Johol atau Tohor?.

Maka dalam perbalahan ini Datuk Rambutan Jantan Undang Johol ke IV, telah menyalurkan pengaruhnya dengan menawarkan diri untuk menyelesaikan perbalahan itu. Cadangan ini diterima oleh orang-orang Inas. Bahawa Datuk Rambutan Jantan Undang Johol juga berkuasa di Inas sebagai Penghulu Luak Inas masa itu. Selepas Datuk Rambutan Jantan digantikan oleh Datuk Nuri sebagai Undang Johol merangkap Datuk Penghulu Luak Inas. Maka selepas Datuk Nuri, baharulah dapat dilantik Penghulu Luak Inas dari waris Inas iaitu Penghulu Mantek. Semenjak itu kekuasaan yang ada pada Penghulu EMBUN SERI dahulu tidak ada lagi pada Penghulu Mantek dan taraf Penghulu Luak Inas serta luaknya di masukkan dibawah kekuasaan lengkongan Tanah Mengandung?.

Tetapi walau bagaimana pun kekuasaan dan pentadbiran Datuk Penghulu Luak Inas dapat juga mengekalkan kedudukannya hingga kehari ini dengan Datuk-datuk Lembaganya dengan menerima lemak tanah atau Politikal Pensions dari kerajaan. Susunan tadbirannya diketuakan oleh Datuk Penghulu mentadbir Luak. Datuk Lembaga mentadbir suku. Manakal Buapak mentadbir Anak Buahnya, Juak-juak Hulubalang mentadbirkan ~~keamanannya~~ Pegawai-pegawai Masjid mentadbirkan yang bersangkutan dengan hal-hal Ugama Islam yang suci. Saperti diterakan dibawah ini:-

- | | | |
|---------------|---|-----------------------|
| (1) PERENGGAT | *- Y.M.Datuk Penghulu Luak | - Biduanda Waris. |
| PENGHULU | - Y.M.Datuk Bentara Jantan | - Biduanda Waris. |
| LUAK. | - Y.M.Datuk Bentara Betina | - Biduanda Waris. |
| (2) PERENGGAT | - Y.M.Datuk Menteri | - Biduanda Punggur. |
| DATUK2 | - Y.M.Datuk Setia Raja | - Biduanda Chenerung. |
| LEMBAGA. | - Y.M.Datuk Baginda Maharaja-Serilemak. | |
| | - Y.M.Datuk Andika | - Serimelenggang. |
| | - Y.M.Datuk Baginda Raja | - Biduanda B.Petai. |
| | - Y.M.Datuk BangsaBalang | - Tiga Nenek/Batu. |
| (3) PERENGGAT | Y.M.Datuk Penglima Puteh | - Serimelenggang. |
| JUAK-JUAK | - Y.M.Datuk Penglima Hitam | - Biduanda Chenerung |
| HULUBALANG | - Memperang Kanan | - Serimelenggang. |
| | - Memperang Kiri | - Tiga Nenek/Batu. |
| | - Menggarang | - Biduanda Kabung. |
| | - Meleman | - Biduanda Chenerung. |
| | - Mendalam | - Biduanda Kebangsa. |
| | - Mengkakap I | - Serilemak. |
| | - Mengkakap II | - Biduanda Betawi. |
| | - Mawan | - Biduanda K.Punggur. |
| | - Fawang Luak | - yang berkebolehan. |
| | - Bidan Luak | - yang berkebolehan. |
| (4) PERENGGAT | - Datuk Paduka Pahlawan | - Biduanda Kabung. |
| BUAPAK | - Datuk Paduka Kebangsa | - Biduanda Gating. |
| KETUA | - Datuk Amar Penghulu | - Biduanda Betawi. |
| SUKU. | - Datuk Jelela | - Serimelenggang. |
| | - Datuk Lela Raja | - Biduanda K.Punggur. |
| | - Datuk Nara Sakti | - Biduanda Chenerung. |
| | - Datuk Nara Kaya | - Tiga Nenek/Batu. |
| | - Datuk Amar Pahlawan | - Serilemak. |
| | - Datuk Paduka Jelela | - Biduanda B.Petai. |

Y.M. = Menerima Politikal Pensions
daripada Kerajaan.

SISTEM PENTADBIRAN MELANTIK AHLI ADAT
DATUK PENGHULU LUAK INAS
(oleh: Haji Layar bin Atong, PKL, JP)

Datuk Penghulu Luak Inas ialah ketua Adat yang yang tertinggi dalam luaknya. Masa dahulu disebut juga Undang. Kerana kekuasaannya dalam luaknya sama seperti Undang. Tetapi kerana ganjaran yang diterima dari Kerajaan agak rendah, masyarakat memandang tidak sama seperti Undang..

Gelarannya ialah 'Datuk Johan Pahlawan Walat Kuala Dih', seperti yang terakan dalam cop mohon kekuasaannya dalam Luaknya, yang dikurniakan dan diakui oleh Sultan Johor pada tahun 1760, S.H.1218⁹ yang masih ada tersimpan oleh sesiapa penyandang Datuk Penghulu Luak Inas.

(PERLANTIKAN DATUK PENGHULU LUAK)

Apakala Penghulu meninggal dunia, biasanya Bentara Jantan diistiharkan menyandang Datuk Penghulu Luak Inas - lantikan ini dilakukan oleh Bentara Betina dan disetujui oleh Datuk2 Lembaga Luak Inas. Pengistiharan Perlantikan ini mestilah disaksikan oleh Pegawai Daerah bagi pihak Kerajaan dan Penyelia Adat Istiadat Melayu, N.S. sebagai wakil DYMM Yang di Pertuan Besar N.S. bagi merasmikan lantikan yang dibuat itu.

(PERLANTIKAN BENTARA JANTAN/BETINA)

Bila kekosongan Jawatan Bentara/Betina, maka lantikan ini akan diistiharkan oleh Buapak Yang Tiga iaitu Paduka Pahlawan, Paduka Kebangsa dan Amar Penghulu sebagai pemilih lembaganya. Mereka juga boleh menolak seseorang calon. Jika ini berlaku terpaksa dibuat pemilihan lain. Tetapi calunya itu mesti datang dari perut yang sama. ~~PERUT~~ -PERUT Penghulu Luak Bentara Jantan dan Bentara Betina, ada tiga:-

PERUT INAS;
PERUT DINGKIR; dan
PERUT NURI.

Calun dari ketiga perut ini bergelir-gilir menyandang ketiga-tiga jawatan ini. Biasa mana-mana perut yang lama belum menyandang dia patut dicalunkan.

Jika calun yang menawarkan diri itu melebihi dari seorang, maka pemilihannya dibuat secara pengundian daripada anak buah laki-laki perempuan - resdiri dari suku Biduanda Waris tiga perut dan anak buah dari suku Biduanda Kabung, Biduanda Kebangsa dan Biduanda Betawi yang cukup umur(1). Calun yang banyak mendapat undian layak di istiharkan penyandanganya. Dengan mendapat restu dari Penghulu Luak Inas mengistiharkannya. Disaksikan oleh Pegawai Daerah (kerajaan) dan dirasmikan oleh Penyelia Adat Istiada Melayu N.S. sebagai wakil DYMM Yang di Pertuan Besar N.S.

(LANTIKKAN BENYANDAN DATUK LEMBAGA)

Datuk Lembaga ialah ketua dalam sukunya, mereka juga ada mempunyai perut geleran sabagai Penyandang Lembaganya. Lembaga dibuat oleh Buapak dalam suku itu sendiri. Buapak lain suku tidak berhak masuk campur tangan. Buapak boleh menerima atau menolak seseorang calon. Jika berlaku penolakan, pemilihan calon dimestikan dari perut itu juga. Kecuali rosak dari segi adat dan maseh belum dibaikki bertimbang salaj pada Lembaganya. Perut yang lama belum menyan-dang diberikan keutamaan sebagi calon. Perlu diingat dan ambil perhatian bagi menjadi calon Lembaga dimseti-kan ada sakanya (2) ~~Idak Luak Inas~~. Mangka yang berdedin / (3) dengan sesuatu suku tidak berhak di calunkan se-bagai Lembaga. Merka yang menjadi calon juga dimasti-kan berkahwin dengan perempuan di Luak Inas.

Buapak boleh menerima dan menolak seorang calon yang melakukan sesuatu kesalah dari segi Adat Perpa-teh, jika belum bertimbang salah daengan Lembaga dan anak buah suku itu.

Saperti diatas jika calon yang memohon melebihi dari seorang. Maka pengundian anak buah dari suku itu perlu dijalankan - yang ramai pengundinya berhak di-istiharkan sebagai penyandanganya.

Perlantikan Lembaga ini direstui oleh Penghulu Luak sebagi ketua Luak. Pegawai Daerah (Kerajaan) dan Penyelia Adat Istiadat Melayu ^{K. P. I. S.} N.S. sebagai Wakil DYMM Yang di Pertuan Besar N.B. Pengundi (4) daripada mereka yang cukup umur, yang tinggal dalam Luak Inas. Datang dari luar Inas tidak dianggap sah sebagi pengundi. Kecuali mereka yang ada sakanya (2) di Luak Inas.

Nota: (1) calon cukup umur ditetapkan oleh Buapak.
(2) sakanya - ada tanah pesaka kampung atau sawah di Luak Inas.
(3) berkedin memasuki sesuatu suku mengaku bersaudara.

(LANTIKKAN BUAPAK TIAP-TIAP SUKU)

Pemilihan Buapak pada tiap-tiap suku. Dibuat dan ditentukan pilihannya oleh anak buah tiap-tiap suku oleh anak buah perempuan. Kerana dialah yang mengguna-kannya (pesaka duduk atas saka). Meraka yang dipilih menjadi Buapak dimestikan meraka bersifat adil saksama baik budi pekerti, bertimbang rasa tetapi tegas, tidak berat sebelah.

Lantikannya disahkan oleh Datuk Lembaga dalam suku itu sendiri sebagai ketua anak buah suku itu. Buapak bersifat tidak ada sanak saudara yang rapat - SEMUA DALAM SUKUNYA ANAK BUAH. Baharulah ada keadilan:-

- singgah dimata tidak dipicingkan;
- singgah diperut tidak dikempiskan;
- padang orang jangan berlari;
- padang awak jangan berjingkek;
- tak ada adik kakak dan ibubapa;
- SEMUA ANAK BUAH - SAMA RATA;
- KEADILAN DAPAT BERDIRI.

ALAT KEBESARAN DATUK PENGHULU LUAK INAS
(oleh: Haji Layan bin Atong, PKL, JP.)
Ketua Kampung Gating Inas.

Semenjak kurun XVIII, Luak Inas merupakan sebuah Luak yang berasingan dan bersendirian serta berkuasa dibawah ketuanya PENGHULU EMBUN SERI seorang wanita dengan taraf BERGAJAH TUNGGAL. Pada masa itu Inas juga dikenali dahulunya dengan nama Jelai, yang diakui oleh Sultan Johor sebagai Luak yang berdaulat dalam tahun 1760. Masa itu Penghulu Luak Inas yang bernama BAYAN telah dikurnia cop mohor kekuasaannya dengan gelaran DATUK JOHAN PAHLAWAN LEILA PERKASA WALAT KUALA DIUH, S.H.1218, sebagai berkuasa dalam luaknya. Dan beberapa alat kebesaran yang berupa senjata bagi mempertahankan kedaulatannya dimasa itu seperti berikut:-

1. COP MOHOR
TANDA KEBESARANNYA.
 - Diukir dari logam dengan tembukan tulisan jawi dengan perkataan DATUK JOHAN PAHLAWAN LEILA PERKASA WALAT KUALA DIUH, S.H.1218.
 - Digunakan menghantar surat resmi kepada pihak berkenaan.
 - Ditauliahkan kepada sesiapa yang menyandang Datuk Penghulu Luak Inas, bergelir-gelir.
2. SEBILAH KERIS PANJANG.
 - Besi dituang, hulu tanduk, sarungnya kayu. Lambang kebesaran Datuk Penghulu Luak Inas. Dengan kekuasaan ini dapat mentadbirkan luaknya berdasarkan lunas Adat Perpatih bersendikan hukum dan Kitabullah dengan adiknya. Sesiapa melakukan kesalahan sabit salahnya. Keris inilah penghukumnya.
 - Ditauliahkan kepada Penyandang Datuk Penghulu Luak Inas.
3. TIGA BILAH TOMBAK BERAMBUKAN RAMBUT.
 - Besi tajam seperti lembing, bertangkai kayu panjang sedepa dan berambu, dari rambut Penghulu Embun Seri, dianggap berdaulat. Sebagai senjata resmi Datuk Penghulu Luak, turun temurun, bagi mengawal ketenteraman Luaknya.
 - Dihari istiadat kebesaran ini ditugaskan kepada Memperang Kanan dan Kiri serta Menggarang memegangnya.
4. DUA BILAH PEDANG PANJANG.
 - Besi seperti parang panjang, tanpa sarung. Melambangkan kebesaran Datuk Penghulu Luak Inas, bagi menangkis ancaman musuh, sebagai senjata Pengawal peribadi keselamatan Datuk Inas.
 - Diberikan kuasa menggunakannya kepada Datuk Panglima Putih dan Datuk Panglima Hitam.

5. DUA PUCUK
LELA REN-
TAKA.

- Dari tembaga dituang, yang panjang jantan, yang pendek betina. Bentuknya seperti meriam. Ubatnya dari Belayat (ubat bedil). Pelurunya timah bertuang, dimasukan dari mulutnya, diumbas dengan sabut padat², masuk kan timah pelurunya. Dicucuh dengan api. Akan mengeluarkan bunyi yang amat kuat.

Ditugaskan kepada Mengkakat pembakar bedil. Ubat belayat boleh didapati dari DYMM Yang di Pertuan Besar N.S. melalui Tuan D.O. Permitnya dari Tuan OCPD. Digunakan memberi tahu orang ramai:-

- (a) memulakan puasa;
- (b) memulakan hari raya;
- (c) menyambut ketibaab Penghulu dan Datuk Lembaga dihari nikah kahwin adat OLEK WARIS.
- (d) Dalam peperangan menentang musuh.

6. GONG ATAU
TETAWAK.

- Dari logam besi, punding punatnya dari tembaga. Digunakan memberi tahu orang ramai apa-apa kerja yang akan dibuat di balai Penghulu seumpama berolek, bergotong ruyung dan sesuatu kecemasan kerana minta bantuan segera.

7. DUA BUAH
CANANG,
JANTAN
BETINA.

- Seperti gong atau Tetawak (gong) tetapi kecil. Yang garau dinamakan jantan yang sering dinamakan betina. Gunanya apakala dititir memberi tahu sesuatu kejadian berlaku di balai Penghulu. Dengan resminya memberi tahu orang ramai ada kejadian untuk pengetahuan orang ramai.

- lantikan Penghulu Baru;
- Penghulu meninggal dunia;
- adat berpuar;
- bertekaci;
- ratib jalan;
- memulakna bertahun menanam padi;
- memulakan kerja OLEK WARIS.
- sesuatu kejadian kecemasan.

Nota: Segala yang dicatitkan ini digunakan sebelum perang dunia kedua. Hari ini telah lenyap ditelan masa. Hanya tinggal tersimpan sebagai muzium hak milik sipenyimpannya. Dihari-hari tertentu diasam dan diasapkan kemenyan menulehkan anikanya. Ampun maaf kepada Allah swt dan kepada yang berhak. Jika penulisan ini keterlaluan. Tujuanya semata-mata untuk memulehkan semangat yang terpendam - maaf.

SISTEM PENTADBIRAN DI LUAK INAS
(oleh: Hj Layan bin Atong, PKL, JP)
Ketua Kampung Gating Inas.

Tadbiran di Luak Inas yang wujud pada masa dahulu hingga sekarang ada tiga tadbiran:-

- Tadbiran Adat Perpatch;
- Tadbiran Ugama Islam;
- Tadbiran Moden (JKKK).

(susunan tadbiran cara adat)

Tadbiran Adat Perpatch ini diamalkan semenjak hampir tiga kurun yang lalu hingga hari ini, masih hidup kekal dan diamalkan dalam luak ini. Adat berdasarkan bertangga naik, berjinjang turun;

- alam beraja;
- luak berpenghulu;
- suku berlembaga;
- anak buah bertuapak,
- kekuasaan yang tertentu.

RAJA. - mentadbirkan negeri.

PENG- - mentadbirkan luaknya luar dan dalam.
HULU. - menetapkan dasar-dasar pada Lembaga.
- menghukum sesiapa yang bersalah.
- menggalakan membuka perkampungan dan bersawah padi.
- memberi kuasa pada lembaga mentadbiran bercucuk tanam.
- membasmi musuh tanaman secara ghaib.
- menentukan sempadan-sempadan kawasan tanah.
- menetapkan masa turun kesawah - dimulakan istiadat meminta doa dan beratib jalan.
- mengawal mencegah serangan wabak penyakit hawar.
- merastui lantikan Lembaga Luaknya.
- kuasanya - pedang pemancung.
- habuannya - cukai pertanian dan ternakan, kerbau/lembu punca ekor terpulang padanya.
- Oleknya - 2 ekor kerbau, seekor kambing.

LEMBA- - menetapkan dasar adat kepada anak buahnya,
GA. kepada Buapak dan anak buah.
- menyelesaikan perbalahan dalam sukunya.
- mengawal tanah adat - jangan jatuh kelain suku.
- menyaksikan tukar hakmilik tanah adat.
- menggalakan anak buah bertani. Yang leceh disaman dan didakwa.
- mengepalai pengairan sawah padi.
- ketua adat dalam sukunya.
- melantik pegawai-pegawai masjid.
- kuasanya - tali pengikat (menentukan satu2 kesalahan anak buahnya).
- habuannya - jika berbantai kerbau/lembu di tanah adatnya, ramek-ramek terpulang kepadanya.
- Oleknya - seekor kerbau/lembu.

- BUAPAK - mengawal ketenteraman anak buahnya.
 - mencegah perkahwinan se suku.
 - menjadi ketua membuat kerja kahwin anak buahnya.
 - membayar dan menerima adat pesaka.
 - menyelesaikan perbalahan kecil-kecil dilengkongan anak buahnya.
 - mendenda secara adat anak buah yang melakukan satu-satu kesalahan.
 - tempat anak buah mengadukan kesulitan untuk diselesaikan.
 - kuasanya - taji dua bertimbal (datang dan bailknya mengena).
 - habuannya - wang cabutan nikah anak buahnya.
 - seruannya - cepat datang lambat balik, tidak ada adik kakak - melainkan semua anak buah..
 - Oleknya - se ekor kambing.
- TUA - menjadi ketua satu-satu perut.
 SUKU. - ketua perunding anak buah, apa jenis kerja yang akan dibuat. Disampaikan kepada Buapaknya.
 - menetapkan hari kerja yang akan dibuat.
 - mengarahkan anak buah menjemput waris yang hampir.
- PAWANG - menjaga luak dari bencana ghaib.
 - memulakan kerja bersawah padi.
 - membenteras wabak penyakit berjangkit.
 - membakar kemenyan bagi kerja-kerja:-
 - membuka hutan baru;
 - beratib jalan;
 - berloa mula kesawah;
 - memulakan adat berpuar; dan bertekachi.
 - menjaga alat-alat kesaran Penghulu Luak.
- BIDAN * menolong ibu-ibu bersalian.
 - mengerat pusat bayi, baharu lahir.
 - menjaga kesihatan ibu dan bayi baru.
 - menasehati ibu-ibu mengandung.
- JUAK- * mengawal keselamatan luak dan ancaman musuh luar dan dalam.
 JUAK
 HULU
 BALANG - Penglima Putih mengawal keselamatan di-air.
 - Penglima Hitam mengawal di daratan.
 - berperang mengawal batang tubuh Penghulu.
 - menggarang mengawal Bentara Jantan.
- MAWAN - penitir canang-garau.
 MELEMAN - memasang ~~alat-alat kesaran~~ dan maba berpuar.
- MENGARANG - mengawal keselamatan Bentara Jantan.
- MENDALAM- mengeluarkan dan menyimpan alat-alat kebesaran Penghulu selepas digunakan.
- RIMAU - Penitir canang, sering botina.

(susunan Tadbiran Ugama)
sebelum perang II.

1. Kawasan kampung yang ramai penduduknya, didirikan rumah-rumah ibadat. Tempat penduduk tempat mempelajari seluk beluk pengajian Ugama Islam yang maha suci. Diketuai oleh Pegawai2 Masjid dan alim ulama ditempat itu - seumpama:-
 - Masjid Keriah Gating;
 - Masjid Keriah Kabung (Tg. Pisang);
 - Masjid Keriah Inas; dan
 - Masjid Keriah Dingkir (lepas perang II).
 - Juga beberapa buah surau tempat kanak2 mengaji al-quramul-karim;
 - rumah persendirian alaim ulama masa itu.
2. Tujuanya - mengalkan tempat mengajar pelajaran Ugama Islam bagi permuahaan.
3. Mereka yang ingin meninggi pelajaran Ugamanya, terpaksa keluar dari kampung ini.
4. Orang ramai taat mengikuti pelajaran ugama. Mereka yang malas akan didenda membersihkan masjid dan denda sekuali cendul.
5. Yang paling ditakuti - Tok Imam tidak menghantar doa dirumahnya dimelan Hari Raya dan Puasa.
6. Habuannya sebelum perang,=dari zakat dan fitrah dari murid2 ajaranya.

(susunan tadbiran Baru)

1. Menubuhkan JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung) - ahlinya dari segenap lapis masyarakat dan pertubuhan yang berpengaruh ditempat itu, supaya dapat diselaraskan dengan licin.
2. Badan ini bertanggung jawab mentadbir bagi kemajuan kampungnya - terutama dari segi pembangunan asas yang diperlukan oleh penduduk2 kawasan. Dengan tujuan menentukan dasar-dacarnya:-
 - menentukan rancanagn pembangunan asas;
 - melaksanakan rancangan yang diluluskan;
 - menentukan keutamaan rancangan yang perlu;
 - mempengaruhi penduduk tempatan menjayakan satu-satu projek umum;
 - berdaya usaha menjayakan projek;
 - membantu mengadakan tapak pembangunan;
 - mempengaruhi fikiran penduduk, supaya sama-sama bertanggung jawab;
 - mengadakan perbincangan/mesyuarat dari masa kemasa yang diperlukan;
 - menyediakan tugas2 ahli JKKK itu.
3. Bagi meliwinkan tadbiran ini dengan melantik ketua-ketua seksi - saperti:-

- ekonomi;	- haiwan;
- pelajaran;	- gotong royong;
- kesihatan;	- keselamatan;
- pertanian;	- kebudayaan, belia, sukan.

(UCAPAN TERIMAKASEH)

Pengurus, ahli Jawatan kuasa Sambutan Pengistiharan Perlantikan Datuk Penghulu Luak Inas kali ke XV, mengucapkan setinggi terimakasih kepada semua golongan yang membantu menjayakan sambutan ini terutama kepada:-

- (1) Tengku Penyelia Adat Istiadat Melayu, ^{K. Pilah} Negeri Sembilan - memberi pandangan dan merasmikan Perlantikan Datuk Penghulu Luak Inas ke XV.
- (2) Tuan Pegawai Daerah Kuala Pilah - menyeksi dan merastui lantikan Datuk Penghulu Luak Inas ke XV.
- (3) Y.B. Wakil Rakyat Kawasan Johol - menyaksikan lantikan ini.
- (4) Tuan Haji Layar bin Atong, PKL, JP. Ketua Kampung Gating Inas - Pencatit dan penulis Risalah Pengistiharan Perlantik Datuk Penghulu Luak Inas ke XV.
- (5) Tuan Haji Ishak bin Yusuf, AMN, PJK - Rumah Telapakan Datuk Amar Penghulu, aturcara dan isi-isi Risalah.
- (6) Seksi Jawatankuasa Risalah - membincangkan penulisan risalah.
- (7) Datuk2 Lembaga Luak Inas, bersetuju sebulat suara menerima catitan risalah sejarah asal usul adat Luak Inas.
- (8) Semua Juak2 Hulubalang dan Buapak2 yang menjayakan acara majlis perlantikan ini.
- (9) Guru Besar Sekolah Kebangsaan Inas - memberi pinjaman dewan sekolah menjalankan istiadat ini.
- (10) Pegawai2 Kerjaan perengkat Mukim dan Daerah, menyaksikan istiadat ini.
- (11) Jabatan Penerangan Kuala Pilah.
- (12) Radio dan Telibisen Malaysia.
- (13) Ketua Polis Daerah dan Ketua Balai Polis Johol.
- (14) Pegawai Masjid Gating, Kabung, Dingkir dan Ulu Inas.
- (15) Semua Ahli JKKK Kg Gating dan Ulu Inas.
- (16) Setiausaha Khas kepada Datuk MBNS.
- (17) Tuan Kadzi Wilayah Johol.
- (18) Tuan Haji Abas bin Idin, pereka kulit risalah.
- (19) Seksi penyedia jamuan.
- (20) Jurugambar - sudi mengambil gambar istiadat.
- (21) Wakil pemberita akhbar.
- (22) Ustadz Md Yusuf bin Bulam - Pembaca Doa.
- (23) ~~Anak-anak~~ Biduanda Waris membenarkan mengeluarkan catitan sejarah adat tadbiran Penghulu Luak Inas ke XV. Perut Inas - Encik Othman bin Musa.
Perut Dingkir - Datuk Md Yusuf bin Badur
Perut Nuri - Encik Alias bin Ebon.